

PEKELILING NAIB CANSOLOR

Bilangan 05 Tahun 2020

ARAHAN PENANGGUHAN SELURUH OPERASI PERKHIDMATAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA SEPANJANG PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DAN MENGENAI PENYAMPAIAN DAN PEMBELAJARAN PELAJAR

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini memaklumkan Arahan Penangguhan Seluruh Operasi Perkhidmatan Universiti Teknologi MARA mengenai **PELAKSANAAN PENYAMPAIAN DAN PEMBELAJARAN PELAJAR**.

2.0 LATAR BELAKANG

Merujuk kepada Perutusan Khas YAB Perdana Menteri mengenai pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan mulai 18 Mac 2020 hingga 31 Mac 2020 di seluruh negara.

Justeru itu, Mesyuarat Khas Majlis Eksekutif Universiti pada 17 Mac 2020 telah memutuskan pelaksanaan kawalan pencegahan berkaitan COVID-19 kepada **PELAJAR UiTM**.

3.0 PELAKSANAAN

Semua pelajar UiTM adalah tertakluk untuk mematuhi arahan seperti berikut:

3.1 OPERASI UiTM DITUTUP SEPENUHNYA

Semua operasi perkhidmatan UiTM melibatkan pejabat, makmal dan Pusat Tanggungjawab adalah **DITUTUP SEPENUHNYA** bermula **18 Mac 2020 sehingga 31 Mac 2020** sepertimana dalam Perutusan Khas YAB Perdana Menteri mengenai Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan pada 16 Mac 2020.

Sehubungan itu, semua aktiviti universiti termasuk mesyuarat/ latihan/ bengkel/seminar/konferensi/lawatan akademik/aktiviti sukan/ kokurikulum/ khidmat masyarakat **DITANGGUHKAN**.

3.2 PELAKSANAAN PENYAMPAIAN DAN PEMBELAJARAN

- a. Semua sesi penyampaian dan pembelajaran **DITANGGUHKAN** sepanjang pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan bermula **18 Mac hingga 31 Mac 2020**. Ini termasuk semua pelajar yang sedang menjalani latihan praktik/ *internship*.
- b. Cuti Pertengahan Semester dijadualkan semula dan para pelajar akan bercuti daripada 1 April hingga 12 April 2020.
- c. Sehubungan dengan perkara 3.2(a) dan 3.2(b) di atas, **KALENDAR AKADEMIK** sesi Mac – Julai 2020 yang **TERKINI** akan dikeluarkan dalam masa terdekat.

3.3. PENEMPATAN PELAJAR

- a. Pelajar adalah diminta untuk **mengosongkan kolej kediaman dan pulang** ke rumah masing-masing bermula **17 Mac 2020 hingga 12 April 2020**.
- b. Pelajar Antarabangsa diminta kekal di kediaman masing-masing dan berurusan dengan Pejabat Hal Ehwal Antarabangsa (OIA).

4.0 TARIKH DIKELUARKAN


Pekeliling ini dikeluarkan pada 17 Mac 2020.

5.0 TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling ini berkuat kuasa mulai 17 Mac 2020. Pemakluman terkini akan dibuat dari semasa ke semasa.

6.0 PEMAKAIAN

Pekeliling ini adalah terpakai kepada semua **PELAJAR** Universiti Teknologi MARA dan untuk **edaran dalaman sahaja**.



PROF. EMERITUS DATUK IR. DR. MOHD AZRAAI BIN KASSIM
Naib Canselor

Salinan Kepada:
Semua Rektor UiTM Cawangan
Semua Dekan Fakulti
Semua Ketua Jabatan / Bahagian / Pusat / Unit
Semua Warga UiTM
Bil. Fail : 100-UiTM (NC 6/2)
No Siri : 100-UiTM (NC 6/2) 05